



## TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## PROGRAM **SAMBUTAN EVAW DI PARLIMEN**

LOKASI / TARikh / MASA  
**25 NOVEMBER 2024 (ISNIN) | 12.45PTG**  
**LOBI UTAMA, BLOK PARLIMEN**

Kemas kini 25 November 2024

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

**Yang Berhormat Tan Sri Yang Di-Pertua Dewan Rakyat, para tetamu  
yang dihormati sekalian.**

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri kerana menyahut seruan kami untuk menganjurkan pameran ini. Pameran ini sangat bermakna kerana diadakan sempena **Hari Antarabangsa untuk Penghapusan Keganasan terhadap Wanita**. Ia bertujuan meningkatkan kesedaran dan mengukuhkan komitmen kita semua untuk mengakhiri keganasan terhadap wanita.

## **2. Terima Kasih kepada Penganjur & Rakan Strategik**

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada **Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)** dan **Yayasan Kebajikan Negara (YKN)**, dengan sokongan Rakan Strategik kami, **UNFPA**, atas usaha menjayakan kempen ini.

Malam ini, bangunan seperti Menara KL, TRX Tower, dan beberapa jambatan di Putrajaya dan juga di Kuching akan diterangi dengan warna oren – simbol solidariti global EVAW.

3. Izinkan saya berkongsi **aktiviti menarik** yang telah dirancang di Parlimen:

- **Pameran EVAW** dengan video interaktif dan galeri ilustrasi.
- **Edaran arm band**, tanda sokongan solidariti EVAW.
- **Pameran Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)** dan **ujian psikologi** untuk kesedaran dan sokongan kesihatan mental.
- **Kuiz EVAW**, satu cara interaktif untuk mendidik.
- Tandatangan sokongan solidariti untuk kempen EVAW.
- Dan pelancaran **filter Instagram EVAW** oleh UNFPA.

Semua ini adalah usaha bersama untuk memastikan kita terus berusaha ke arah dunia yang bebas daripada keganasan terhadap wanita.

Dengan itu, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

Semoga kita terus teguh dalam komitmen untuk menangani keganasan terhadap wanita.

**Sekian, terima kasih.**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**